

PERLAKSANAAN SISTEM CCTV DI KAWASAN PERUMAHAN PUTRAJAYA

KHADIJAH BINTI MOHAMED YUSUF

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL, 2010

ABSTRAK

Keselamatan di setiap kediaman adalah suatu perkara yang sangat penting bagi setiap pemilik dan penghuni sesebuah rumah. Objek rintangan seperti pagar berfungsi sebagai pertahanan pertama bagi sesebuah rumah. Pagar bukan sahaja berfungsi untuk membahagikan garis keliling sesebuah tanah tetapi juga direkabentuk untuk menjadi alat yang mempengaruhi psikologi seseorang supaya tidak mencerobohi kawasan tersebut. Walaubagaimanapun, kebanyakan komuniti perumahan zaman sekarang memansuhkan penggunaan pagar sebagai pertahanan pertama sesebuah rumah. Putrajaya ialah sebuah Bandar Bestari yang telah mula dibina sejak tahun 1995. Pembinaan perumahan di bandar Putrajaya tampil dengan konsep tersendiri iaitu konsep rumah tanpa pagar yang bertujuan untuk merapatkan hubungan sesama penduduk bagi mencapai objektif konsep terbuka dalam kejiraninan. Namun begitu, ketiadaan pagar di sekeliling rumah di Putrajaya menjadi punca berleluasanya kes jenayah harta benda di situ. Pihak Perbadanan Putrajaya menyatakan bahawa keselamatan di Putrajaya turut dikawal melalui Sistem *CCTV* yang dipasang di jalan-jalan raya. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti semua kaedah pengawalan keselamatan yang ada digunakan oleh Pihak Perbadanan Putrajaya bagi menggantikan peranan pagar di sekeliling rumah di kawasan perumahan dan ia lebih mengkhususkan kepada perlaksanaan Sistem *CCTV*. Selain itu, tahap keyakinan penduduk terhadap sistem keselamatan yang disediakan di kawasan perumahan mereka juga ingin dikenalpasti. Dua metodologi kajian digunakan untuk mengumpul data iaitu melalui sesi temubual dengan Pihak Berkuasa Tempatan serta melalui kaedah soal selidik terhadap penduduk di sekitar Putrajaya. Hasil daripada kajian ini mendapati Sistem *CCTV* yang digunakan di Putrajaya lebih menumpukan kepada penjagaan trafik di sekitar Putrajaya. Fungsinya dalam mengawal keselamatan di kawasan perumahan juga ada tetapi masih belum meluas. Tahap keyakinan penduduk terhadap kaedah pengawalan keselamatan yang disediakan juga rendah. Majoriti penduduk mengatakan Sistem *CCTV* tidak disediakan di kawasan kediaman mereka. Selain itu, mereka merasakan konsep rumah tanpa pagar tidak wajar diteruskan dan mahukan kediaman mereka dilengkapi dengan pagar.

ABSTRACT

Security at each residence is a matter that is very important for every owner of a house. Barriers such as fences function as a primary defense for a house. Fences are not only functioning to divide the boundary of a land but also designed to be as a device which psychologically could influenced people to not trespass into the area. However, most housing community nowadays prefers to eliminate the use of fences as a primary defense of their home. Putrajaya is a Smart City that has been developed since 1995. The design of the houses in this city brings their own concept of house without fences, which aims to strengthen the neighborhood relations to achieve the objectives of the open neighborhood concept. However, this concept leads to severe criminal property there. Perbadanan Putrajaya stated that the safety in Putrajaya is also controlled using the CCTV system which installed in several points along the road. The main objective of this study is to identify all types of security system method used by Perbadanan Putrajaya to replace the functions of fences around houses and more detail into the implementation of CCTV system. The level of residents' confidence toward the security systems provided in their residential area is also to be identified. Two methodologies have been used to collect data for this study through the interview session with The Local Authorities and through questionnaires to the residents around Putrajaya. Results from this study found that CCTV systems used in Putrajaya is more focusing on the traffic. It also functions in controlling security in residential areas but have not yet widespread. The level of confidence of the residents regarding the security systems is low. Majority of them said that the CCTV system is not available in their residential areas. In addition, they felt the fenceless housing concept should not being proceed and they want their homes equipped with gates.